



**GARIS PANDUAN
PENGELUARAN SIJIL TAULIAH PENYEMBELIH
DAN
SIJIL ASAS SEMBELIHAN NEGERI PULAU PINANG**

**BAHAGIAN PENGURUSAN HALAL
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG**

GARIS PANDUAN PENGELUARAN SIJIL TAULIAH PENYEMBELIH DAN SIJIL ASAS SEMBELIHAN NEGERI PULAU PINANG

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada Pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan Halal (BPH), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) serta pihak-pihak yang berkaitan dalam pengurusan pengeluaran Sijil Tauliah Penyembelih dan Sijil Asas Sembelihan

2. RUJUKAN

- 2.1 Prosedur Pengeluaran Tauliah Sembelihan Jabatan Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia
- 2.2 Manual Prosedur Persijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020
- 2.3 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006)
- 2.4 Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaaan) 1993
- 2.5 Akta Makanan 1983 (Akta 281)
- 2.6 Lain-lain perundangan dan peraturan berkaitan yang berkuatkuasa

3. SINGKATAN

- 3.1 BPH : Bahagian Pengurusan Halal
- 3.2 JAKIM : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- 3.3 JAIN : Jabatan Agama Islam Negeri
- 3.4 JHEAIPP: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
- 3.5 MAIN : Majlis Agama Islam Negeri
- 3.6 MAINPP : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

4. **DEFINISI**

- 4.1 Pihak Berkuasa:
MAINPP, JHEAIPP, JAKIM, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Seberang Perai atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.
- 4.2 Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri Pulau Pinang:
MAINPP dan JHEAIPP
- 4.3 Sijil Tauliah Penyembelih:
Sijil yang dikeluarkan oleh MAINPP dan memenuhi syarat-syarat berikut:-
- i. Lulus Kursus Tauliah Penyembelih;
 - ii. Bekerja di rumah sembelihan dalam Negeri Pulau Pinang yang berdaftar dengan mana-mana pihak berkuasa berkaitan; dan
 - iii. Sijil ditandatangani oleh Yang Dipertua MAINPP.
- 4.4 Sijil Asas Sembelihan:
Sijil yang dikeluarkan oleh JHEAIPP dan memenuhi syarat-syarat berikut:-
- i. Lulus Kursus Asas Sembelihan;
 - ii. Penyembelih awam yang bermastautin di Pulau Pinang; dan
 - iii. Ditandatangani oleh Pengarah JHEAIPP.

5. **PENGURUSAN PENGELUARAN SIJIL TAULIAH PENYEMBELIH DAN SIJIL ASAS SEMBELIHAN**

5.1 Syarat Permohonan Sijil Tauliah Penyembelih

5.1.1 Pemohon yang layak memohon Sijil Tauliah Penyembelih mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- a. Beragama Islam;
- b. Sihat akal dan tubuh badan;
- c. Warganegara Malaysia atau bukan warganegara yang mempunyai visa bekerja yang sah;
- d. Menghadiri kursus dan lulus ujian yang ditetapkan;
- e. Bekerja di rumah sembelihan dalam Negeri Pulau Pinang yang berdaftar dengan mana-mana pihak berkuasa berkaitan; dan
- f. Berumur 18 tahun hingga 60 tahun.

5.1.2 Pemohon yang layak memohon Sijil Asas Sembelihan mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- a. Beragama Islam;
- b. Sihat akal dan tubuh badan;
- c. Warganegara Malaysia;
- d. Menghadiri kursus dan lulus ujian yang ditetapkan; dan
- e. Berumur 18 tahun dan ke atas

6. PROSEDUR PERMOHONAN

6.1 Permohonan

- 6.1.1 Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan Sijil Tauliah Penyembelih beserta dokumen sokongan seperti pada Lampiran 1; dan
- 6.1.2 Borang permohonan beserta dokumen sokongan hendaklah dihantar kembali kepada :

Bahagian Pengurusan Halal
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang,
Tingkat 44, KOMTAR,
10000 Pulau Pinang.

6.2 Fi Pensijilan

- 6.2.1 Fi pensijilan ditetapkan seperti berikut:
 - a. Sijil Tauliah Penyembelih: RM100.00 (Ringgit Malaysia: Seratus sahaja) bagi tempoh 2 tahun
 - b. Sijil Asas Sembelihan: RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh sahaja) bagi tempoh 3 tahun;
- 6.2.2 Fi pembaharuan pensijilan ditetapkan seperti berikut:
 - a. Sijil Tauliah Penyembelih: RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh sahaja) bagi tempoh 2 tahun
 - b. Sijil Asas Sembelihan: RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh sahaja) bagi tempoh tiga (3) tahun;
- 6.2.3 Permohonan pembaharuan yang dibuat enam bulan selepas tamat tempoh sijil perlu membuat permohonan baharu;
- 6.2.4 Bayaran bagi penggantian dan cetakan semula sijil adalah seperti berikut:-

- a. RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima puluh sahaja) bagi Sijil Tauliah Penyembelih
- b. RM10.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh sahaja) bagi Sijil Asas Sembelihan;

6.2.5 Bayaran yang dibuat tidak akan dikembalikan; dan

6.2.6 Bayaran hendaklah dibuat secara atas talian ke akaun Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

6.3 Kursus dan Ujian

6.3.1 Pemohon hendaklah mengikuti kursus dan lulus ujian bertulis, lisan dan amali yang ditetapkan;

6.3.2 Bagi peserta yang gagal ujian lisan dan bertulis, boleh menduduki semula ujian dalam tempoh 14 hari bekerja selepas kursus tanpa bayaran dan hanya untuk satu (1) kali ulangan sahaja;

6.3.3 Sekiranya gagal ujian amali, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan baharu; dan

6.3.4 Modul Kursus adalah seperti pada Lampiran 2.

6.4 Kelulusan

6.4.1 Pemohon yang mengikuti kursus dengan jaya dan lulus ujian yang ditetapkan sahaja layak dipertimbangkan; dan

6.4.2 Pemohon yang lulus akan diberikan Sijil Tauliah Penyembelih atau Sijil Asas Sembelihan mengikut mana-mana yang berkaitan.

6.5 Tempoh Sah Laku

6.5.1 Tempoh sah laku Sijil Tauliah Penyembelih ialah dua (2) tahun dan Sijil Asas Sembelihan ialah tiga (3) tahun.

7. **SYARAT-SYARAT PEMEGANG SIJIL TAULIAH PENYEMBELIH DAN SIJIL ASAS SEMBELIHAN**

7.1 Syarat Penggunaan Sijil Tauliah Penyembelih dan Sijil Asas Sembelihan

- a. Penyembelih hendaklah mempamerkan atau menunjukkan Sijil Tauliah Penyembelih dan Sijil Asas Sembelihan sekiranya diminta oleh pihak berkuasa;
- b. Pemegang Sijil Tauliah Penyembelih dan Sijil Asas Sembelihan tidak boleh mengubahsuai, memindah milik, menyalahgunakan atau membenarkan pihak lain menyalahgunakan sijil tersebut;

- c. Sijil Tauliah Penyembelih dan Sijil Asas Sembelihan tidak sah digunakan sebagai dokumen untuk menjual/ mengedar/ mempromosi sembelihan halal dari premis/ individu berkaitan; dan
- d. Sijil hanya sah digunakan dalam Negeri Pulau Pinang. Sekiranya ada keperluan bagi luar Pulau Pinang, ianya adalah tertakluk kepada peraturan negeri berkenaan.

7.2 Syarat Tempat Bertugas Pemegang Sijil Tauliah Penyembelih

- a. Tempat bertugas hendaklah sebagaimana pada Sijil Tauliah Penyembelih;
- b. Perpindahan tempat bertugas yang melibatkan syarikat yang sama dalam negeri Pulau Pinang hendaklah dimaklumkan kepada BPH, JHEAIPP untuk diperakukan alamat yang baharu;
- c. Sekiranya berpindah ke syarikat yang lain, ianya hendaklah dimaklumkan kepada BPH, JHEAIPP. Sijil akan dibatalkan dan akan dikeluarkan sijil baharu berasaskan alamat tempat kerja baharu serta dengan tempoh sah laku mengikut sijil asal; dan
- d. Perpindahan tempat bertugas yang melibatkan perpindahan negeri adalah tertakluk kepada peraturan negeri berkenaan.

7.3 Syarat Umum

- a. Penyembelih hendaklah memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa semasa pemeriksaan dibuat;
- b. Membuat laporan kepada BPH, JHEAIPP jika kehilangan Sijil Tauliah Penyembelih atau Sijil Asas Sembelihan; dan
- c. Mematuhi etika penyembelih sebagai seorang Muslim.

8. ETIKA PENYEMBELIH

- 8.1 Menunaikan kewajipan sebagai seorang Muslim;
- 8.2 Menghindarkan diri daripada terjebak dengan sebarang gejala negatif;
- 8.3 Memakai pakaian menutup aurat, sopan dan sesuai sepanjang tempoh menyembelih;
- 8.4 Menjaga kebersihan diri dan kawasan penyembelihan; dan
- 8.5 Memaklumkan kepada BPH, JHEAIPP dengan kadar segera sekiranya berlaku sebarang pelanggaran dari aspek syarak dan prosedur pensijilan halal Malaysia yang dilakukan oleh pihak majikan.

9. PEMBAHARUAN SIJIL

- 9.1 Penyembelih hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan Sijil Tauliah Penyembelih dan Sijil Asas Sembelihan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah laku sijil;
- 9.2 Permohonan hendaklah dibuat di BPH, JHEAPP; dan
- 9.3 Sekiranya pembaharuan sijil tidak dibuat dalam enam (6) bulan selepas tamat tempoh sah laku sijil, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan baharu.

10. PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

- 10.1 JHEAIPP boleh membuat pemantauan dan penguatkuasaan ke atas pemegang Sijil Tauliah Penyembelih dan pemegang Sijil Asas Sembelihan pada bila-bila masa; dan
- 10.2 Pemantauan atau penguatkuasaan juga boleh dibuat berdasarkan aduan.

11. PENARIKAN BALIK DAN PEMBATALAN SIJIL

- 11.1 MAINPP dan JHEAIPP berkuasa menggantung, membatalkan atau menarik balik Sijil Tauliah Penyembelih atau Sijil Asas Sembelihan yang dikeluarkan jika terbukti pemegang sijil telah melanggar syarat-syarat Pemegang Sijil Tauliah Penyembelih atau Sijil Asas Sembelihan sebagaimana yang ditetapkan melalui garis panduan ini; dan
- 11.2 Keputusan Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri Pulau Pinang adalah muktamad.

12. KECUALIAN AM

- 12.1 Pulau Pinang menerima pakai Sijil Tauliah Penyembelih yang masih dalam tempoh sah laku sijil dari luar Pulau Pinang dan ianya boleh dijadikan sebagai dokumen sokongan bagi tujuan perakuan pemakaian di Pulau Pinang;
- 12.2 Pengeluaran Sijil Asas Sembelihan boleh dikeluarkan kepada pemohon tertakluk kepada pertimbangan kelayakan dari semasa ke semasa oleh BPH, JHEAIPP tanpa melalui ujian atau temuduga seperti pada para 6.3.1 sekiranya mempunyai kelayakan berikut:
 - a. Pemohon yang diperakukan sebagai berpengalaman dalam aktiviti sembelihan sekurang-kurangnya 5 tahun; dan
 - b. Berkelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Islam.

12. **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA**

Garis Panduan ini adalah terpakai dan berkuatkuasa mulai 01 Januari 2024.

Pengarah,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

Tarikh: 01 Januari 2024